

# Berbuat baik, elakkan sifat sombong diri



## BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton.mohamad@yahoo.com

UB 31-7-2013 B3

DALAM diam tak diam hari ini sudah masuk hari ke 22 umat Islam berpuasa. Masa terasa amat singkat dan seolah-olah baru semalam

memasuki bulan Ramadan. Maka alangkah indahnya andai ditemui dengan malam Lailatul Qadar pada malam-malam yang terakhir Ramadan. Pada malam-malam terakhir ini Umat Islam digalakkan untuk memperbanyak memohon keampunan kepada Allah kerana kehidupan di dunia ini sentiasa sahaja dibayangi dengan dosa-dosa samada dosa kecil mahupun besar secara sengaja mahupun tidak sengaja. Oleh itu ambillah kesempatan pada malam-malam terakhir ini untuk bermunajat memohon keampunan daripada Allah. Letakkan target setiap malam terakhir ini untuk melakukan sebaik-baik amalan kerana ia menyamai 1000 bulan dengan membuat amal badan. Justeru itu "Sesiapa yang menghidupkan malam Lailatul Qadar dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala, maka diampunkan baginya dosa yang telah lepas dan sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala, maka diampunkan baginya dosa yang telah lepas." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Oleh yang demikian dengan memasuki fasa ke tiga bulan Ramadan ini, menandakan semakin hampir untuk umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Sambutan Hari Raya merupakan saat yang amat dinanti-nantikan oleh semua umat Islam yang berpuasa. Ia menandakan kemenangan diri dalam menahan nafsu, lapar dan dahaga selama sebulan. Keadaan ini sudah tentu akan menimbulkan kegembiraan dalam diri kerana telah berjaya melangsaikan hutang pada Allah namun ada juga yang sekadar berpuasa yang yang yok namun apabila membuat persiapan Hari Raya golongan tersebutlah yang lebih sibuk berbanding orang lain. Walaubagaimanapun menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri ini semua penjawat awam yang termasuk dalam kategori terpilih telah diberikan Bonus Khas sebanyak RM500 dan penerima pencen juga diberikan RM250. Walaupun tidak banyak namun sekurang-kurangnya jumlah Bonus Khas tersebut dapat membantu mengurangkan beban perbelanjaan. Justeru itu buatlah perbelanjaan secara berhemah dan mengukur kemampuan diri.

Dalam seronok berbelanja jangan dilupakan tanggungjawab sebagai seorang anak kepada kedua ibu bapa walau dimana pun mereka berada. Pengorbanan mereka amat besar di dalam hidup anda. Doa mereka kepada kejayaan anda bukan ternilai dengan wang ringgit. Seumur hidup mereka akan tetap mengingati dan mendoakan kebahagiaan dan kejayaan anda, jadi apalah nilai wang ringgit yang sedikit dan menyukarkan untuk anda hulurkan buat mereka?. Sempena bulan yang penuh keberkatan ini ambillah peluang untuk berbakti kepada kedua ibu bapa anda sendiri. Jadilah anda sebagai seorang anak yang berbakti kepada kedua-dua mereka. Layanlah mereka dengan mesra seperti mana mereka melayan anda sewaktu kecil sehingga dewasa. Elakkan daripada mempunyai perasaan riak, takbur dan masih terawang-awangan dengan sikap 'bos' di pejabat sehinggakan di hadapan ibu bapa dan sanak saudara. Sekiranya perkara tersebut berlaku maka muhasabahlah diri adakah Ramadan selama sebulan membawa impak kepada perubahan diri dan adakah amal ibadat anda diterima Ilahi. Malahan juga mungkin anda akan dikeji dan dipinggirkan oleh orang lain. Justeru itu ambillah kesempatan fasa terakhir ini untuk terus beramal ibadat sebagai bekalan hari selepas kematian anda. Kematian adalah pasti. Justeru itu jangan sombong dan meninggi diri dalam setiap tutur kata anda. Malah elakan juga berbangga dengan apa yang anda miliki kerana itu semuanya adalah sementara. - Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS